

11/11/1997

Dasar makmurkan jiran bawa hasil

KUALA LUMPUR, Isnin - Dasar 'makmurkan jiran anda' yang dipelopori Malaysia menghasilkan peningkatan dalam perdagangan dan pelaburan antara Asia dan Eropah, kata Perdana Menteri Belanda, Wim Kok.

Menurutnya, konsep kemakmuran dan penyerantauan terbuka di bawah dasar itu yang ditekankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyaksikan peningkatan pelaburan di Eropah dan juga di negara-negara Asia.

"Hari ini kami sedang melihat peningkatan pembangunan Asia di Eropah yang membantu memberi semangat baru kepada ekonomi Eropah dan membuka peluang pekerjaan baru.

"Negara-negara Eropah pula melabur di Asia dan membawa bersama teknologi untuk dikongsi bersama dan turut berfungsi membawa kemakmuran ke Asia," katanya dalam perutusan video pada Panel Global Kuala Lumpur 1997.

Mesyuarat dua hari itu dianjurkan bersama oleh Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (Isis), Pusat Penyelidikan Eropah dan Institut Kepimpinan.

Dr Mahathir turut menyampaikan ucapan utamanya mengenai 'Asia dan Eropah: Menyemaikan Perkongsian untuk Abad ke-21' petang ini.

Wim Kok berkata, Asia dan Eropah berkongsi perspektif yang sama mengenai berbagai isu global dan 'kesedaran ini akan membolehkan kita berusaha ke arah kemakmuran dan untuk faedah bersama.'

Wim Kok berkata, apa yang membuat Eropah dan Asia makmur bukan sahaja disebabkan oleh perdagangan bebas tetapi juga hubungan komunikasi yang kukuh dan saling berkeyakinan.

Katanya, kini ada satu perkongsian komprehensif antara kedua-dua rantau berasaskan kepada kemakmuran dan saling menghormati.

Wim Kok berkata, Asia dan Eropah mempunyai potensi yang besar dan ada keperluan untuk bekerjasama dalam perkara untuk kepentingan bersama dalam forum antarabangsa.

"Ini akan membolehkan kita berkerjasama demi kemakmuran," katanya.

Sementara itu, presiden pusat demokrasi yang berpangkalan di Washington, Prof Allen Weinstein, dalam ucapannya sebelum itu berkata laporan-laporan negatif mengenai krisis ekonomi rantau Asia Tenggara lebih banyak membawa keburukan daripada kebaikan.

Katanya, laporan itu tidak langsung menyumbang untuk membawa penyelesaian kepada krisis itu. - Bernama

(END)